



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 2 TAHUN 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

**PINDAAN KEPADA PERENGGAN 4.2 DAN 5.1 (iii) PEKELILING
PERBENDAHARAAN BILANGAN 5 TAHUN 1991**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan memansuhkan perenggan 4.2 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1991 dan meminda perenggan 5.1 (iii) Pekeliling tersebut.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mengikut perenggan 4.2 dan 5.1 (iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1991, harga borang hendaklah ditetapkan tidak melebihi RM1.00 senaskah.
- 2.2 Walau bagaimanapun, Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2008 telah membuat keputusan supaya bayaran ke atas borang dengan kadar RM5.00 dan kurang hendaklah dihapuskan.


3. PINDAAN

- 3.1 Bagi melaksanakan keputusan mesyuarat di perenggan 2.2, Surat Pekeliling Perbendaharaan ini memansuhkan perenggan 4.2 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1991 serta meminda perenggan 5.1(iii) Pekeliling tersebut dan digantikan seperti berikut:

“5.1(iii) Bagi maksud menetapkan kadar bayaran/harga penerbitan dan borang, kadar itu hendaklah melebihi RM5.00 meliputi kos percetakan,perkhidmatan dan pemasarannya. Di samping itu, kaedah pembayaran hendaklah dipermudahkan”.

4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa serta-merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
28 Januari 2009

s.k

*Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri*